



## FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

PENGURUSAN KRAFTANGAN ANYAMAN INDUSTRI DESA KAMPUNG PICHIN

OLIVIA ANAK SEER (32552)

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni )  
2014

PENGURUSAN KRAFTANGAN ANYAMAN INDUSTRI DESA KAMPUNG PICHIN,  
SERIAN.

OLIVIA ANAK SEER  
(32552)

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Grade: \_\_\_\_\_

**Please tick (✓)**

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the .....**11**.....day of.....**JUNE**....2014.

**Student's Declaration:**

I .....**OLIVIA ANAK SEER, 32552, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS**.....

(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled .....**PENGURUSAN KRAFTANGAN ANYAMAN INDUSTRI DESA KAMPUNG PICHIN, SERIAN**.....

is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

**11 JUNE 2014**

Date submitted

**OLIVIA ANAK SEER (32552)**

Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

I .....**DR. ANNA DURIN**.....

(SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled .....**PENGURUSAN KRAFTANGAN ANYAMAN INDUSTRI DESA KAMPUNG PICHIN, SERIAN**.....

(TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/fulfillment for the conferment of .....**BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS**.....

(ARTS MANAGEMENT) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **DR. ANNA DURIN** Date: **11 JUNE 2014**

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

### **Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
( 11 JUNE 2014 )

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
( 11 JUNE 2014 )

Current Address:

NO.27 KAMPUNG MANJAU BT21 JLN KUCHING/ SERIAN, 94200 KUCHING SARAWAK

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.  
[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertasi ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi lain.

Yang Benar,

.....  
**OLIVIA ANAK SEER**

32552  
Program Pengurusan Seni

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur saya kepada Tuhan kerana berkat doa dan kesabaran juga bantuan dari semua pihak, akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Anna Durin kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Jasa beliau amat saya hargai.

Seterusnya, sekalung terima kasih juga kepada kedua-dua orang tua saya iaitu Encik Andew Seer dan puan Elizabeth Jinget serta ahli keluarga yang banyak memberikan dorongan dan sokongan untuk saya terus berusaha mengakhiri kajian ini. Walaupun penat dan sibuk mereka tetap memastikan masa untuk membantu saya ada. Kepada adik beradik saya, terima kasih juga diucapkan kerana turut memberi semangat kepada saya.

Tidak lupa juga kepada keluarga Encik Rantai kerana banyak memberikan maklumat yang berguna dan sokongan padu daripada kalian. Jasa kalian tidak akan saya lupa dan akan saya kenang. Kepada Encik Moxgon Xevier, terima kasih diucapkan kerana tidak pernah jemu memberi sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Jasa anda amat dihargai.

Tidak ketinggalan juga, ucapan terima ditujukan kepada para pensyarah Program Pengurusan Seni yang banyak memberikan kata-kata semangat terutama sekali Dr. Indra Utama. Terima kasih kerana banyak memberi kata-kata peransang agar sentiasa rajin berusaha. Kepada rakan seperjuangan yang banyak membantu secara langsung atau tidak langsung, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan. Terima kasih kerana sentiasa memberi dorongan dan semangat kepada saya dalam menghasilkan kajian ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada responden-responden yang telah ditemuramah yang telah memberikan kerjasama kepada saya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Sekian, terima kasih.

## **Isi Kandungan**

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Halaman Tajuk</b>	<b>i</b>
<b>Borang Pengesahan</b>	<b>ii - iii</b>
<b>Pengakuan</b>	<b>iv</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>vi - vii</b>
<b>Isi Kandungan</b>	<b>vii - xii</b>
<b>Abstrak</b>	<b>xiii</b>
<b>Abstract</b>	<b>xiv</b>

## **BAB 1 PENGENALAN**

Pengenalan	1 - 4
Latar Belakang Kajian	5 - 6
Hipotesis Kajian	7
Permasalahan Kajian	8
Objektif Kajian	9
Soalan Kajian	10 - 11

**Muka Surat**

Lokasi Kajian	12
Kerangka Kajian	13 - 19
Kepentingan Kajian	20
Skop Kajian	21
Kesimpulan	22

**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

Pengenalan	23
Kandungan Umum	24 - 31
Kesimpulan	32

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

Pengenalan	33
Kaedah Pemerhatian	34
Kaedah Temu bual	34 - 35
Soalan Temu bual	35 - 36

## **Muka Surat**

Kaedah Dokumentasi atau Catatan	36
Kesimpulan	37

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

Pengenalan	38 - 39
------------	---------

Latar Belakang Industri Desa Kampung Pichin	40 - 41
---	---------

Analisa Temu bual Bersama Responden	42
-------------------------------------	----

### **BAHAGIAN A :**

#### **Jenis Kraf tangan Anyaman**

Latar Belakang Kraf tangan Anyaman Kampung Pichin	42 - 47
---	---------

Jenis Produk Kraf tangan Anyaman	48
----------------------------------	----

Corak	48
-------	----

Motif	48
-------	----

Corak atau Motif Anyaman	49
--------------------------	----

Proses Pembuatan	50 - 51
------------------	---------

Alatan Anyaman Kraf tangan Anyaman	51 - 53
------------------------------------	---------

**Muka Surat**

Penggunaan (hasil)	54 - 55
Pasaran	55 - 57
BAHAGIAN B :	
<b>Sistem Pengurusan Organisasi Industri Desa Kampung Pichin</b>	
Organisasi Industri Desa Kampung Pichin	57 - 58
Pengurusan	59 - 60
Kecekapan	61 - 63
Meminimumkan Sumber Kewangan	64 - 66
Pengurusan Sumber Manusia	66 - 67
Pengurusan Sumber Bahan Mentah	67 - 68
Fungsi	68
Merancang	68 - 69
Mengorganisasi	70 - 71
Memimpin	71 - 74
Mengawal	74 - 75

**Muka Surat****BAHAGIAN C:****Penghasilan Kraf tangan Anyaman Masih Relevan Dengan****Masyarakat Masa Kini**

Penghasilan Masa Kini 75 - 77

Kesimpulan 78

**BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

Pengenalan 79

Rumusan 80 - 83

Cadangan 84 - 88

Kesimpulan 89

**Rujukan** 90 - 91

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah mengenai Pengurusan Kraftangan Anyaman. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kraftangan anyaman yang dihasilkan oleh Industri Desa Kampung Pichin. Selain itu, ianya adalah untuk mengkaji mengenai sistem pengurusan organisasi Industri Desa Kampung Pichin serta untuk mengenalpasti bahawa penghasilan kraftangan anyaman masih relevan atau tidak pada masa kini dari aspek penghasilan dan keasliannya. Perkara yang dikaji adalah mengenai seni kraftangan anyaman di Kampung Pichin. Skop kajian ini termasuk kajian mengenai pengurusan organisasi yang digunakan untuk menguruskan industri desa kampung Pichin iaitu industri kraftangan anyaman. Dengan adanya pelbagai jenis produk kraftangan anyaman yang dihasilkan di kampung Pichin ini, maka akan dapat membantu untuk meningkatkan produktiviti kampung serta peningkatan pasarananya. Lokasi kajian ini dijalankan adalah di Kampung Pichin, Serian. Kajian ini dijalankan dengan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah pemerhatian, temubual dan dokumentari. Dapatan kajian telah mendapat bahawa sememangnya terdapat pengurusan berkaitan dengan kraftangan anyaman yang dijalankan di organisasi Industri Desa Kampung Pichin ini. Misalnya, pengurusan organisasi, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan bahan mentah.

## **ABSTRACT**

This research is about Management Weaving Handicraft . The purpose of this study is to identify the craft produced by the Rural Industries Pichin Village . In addition, it is to review the organization's management system of Rural Industries and Pichin Village is to identify that production from craft is still relevant or not in present in terms of production and purity. The research is about art from craft Pichin village . The scope of this research includes the study of organizational management that used to manage Pichin village cottage industry of handicraft weaving industry . With the wide range of products from craft produced in the Pichin village, it will help to improve the productivity and increase the market. This research was conducted at the Pichin village, Serian . This study was conducted by qualitative methods through observation , interviews and documentaries. The study has found that there is indeed associated with management from craft carried on the organization's Rural Industries Pichin Village. For example organizational management, resources cost management, human resource management and raw material management.

## **BAB 1**

### **Pengurusan Kraftangan Anyaman Industri Desa Kampung Pichin Serian**

#### **Pengenalan**

Kajian ini berkaitan dengan kraftangan anyaman di kampung Pichin di daerah Serian. Berdasarkan sorotan kajian yang lepas, kajian mengenai kraftangan anyaman telah dilakukan namun pengkaji-pengkaji lepas belum lagi mengkaji mengenai aktiviti pengurusan kraftangan anyaman terutama dalam masyarakat bidayuh. Pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengupas dan menambah apa yang belum dikaji oleh pengkaji lepas.

*Rotan* berasal dari family *Palme* dan dikelaskan dalam kumpulan yang terbesar iaitu parafamili calamoidaea. Rotan mempunyai batang berduri dan memanjang tetapi terdapat dua jenis yang tidak memanjang. Terdapat 13 jenis rotan yang terdapat di dunia iaitu Calamus, Daemonorops, Khartalsia, Plectocomia, Plectocomiopsis, Myrialepis, Ceratolobus, Calospatha, Pogonotium, Retispatha, Laccosperma, Eremopatha, dan Onecocalamus. Hampir 600 jenis rotan dihasilkan daripada 13 jenis ini.

Dari pada 107 jenis rotan yang ditemui hanya 20 jenis sahaja yang dikenal pasti kegunaannya serta nilai komersialnya. Antaranya ialah, rotan manau (*Calamus manau*), rotan matang atau dikenali juga sebagai rotan dok (*C. ornatus*), rotan manau tikus (*C. tumidus*), rotan semambu (*C. scipionum*), rotan dahan (*Karthalsia sp*) dan rotan sega (*C. caesius*). Rotan jenis belah biasanya digunakan untuk menganyam tikar ataupun lapik. Rotan memberi sumbangan ekonomi melalui hasil pemprosesan perabot dan kraftangan. Rotan yang dihasilkan bukan sahaja hanya digunakan untuk perhiasan malah dijual dan digunakan dalam kehidupan seharian bagi masyarakat bidayuh.

Rotan bukan hanya digunakan untuk membuat tambok dan tikar sahaja malah pada zaman dahulu rotan turut digunakan untuk membuat tempat menyimpan makanan, tempat menyimpan baju, tepak sirih, bubu ikan dan pemukul lalat. Rotan amat penting bagi mereka kerana aktiviti membuat tikar dan menganyam bakul serta raga menjadi keutamaan. Hal ini kerana ketiga-tiga benda ini amat penting dalam penggunaan seharian mereka.

Buluh atau nama botaninya iaitu *Bambusa* merupakan salah satu tumbuhan yang hidup di dalam hutan yang menjadi habitat kepada tumbuhan tersebut. Buluh banyak terdapat di sekitar negara Asia. Hal ini kerana buluh merupakan tanaman yang paling cepat tumbuh dan ia tergolong dalam golongan *Family Gramineae* dan *Subfamily Bambusoideae*. Tanaman ini hanya boleh didapati di kawasan tertentu seperti kawasan bukit-bukau dari paras laut hingga ke paras 1000m.

Penggunaan buluh pada masa sekarang yang tidak lagi diperlakukan menjadi tanda tanya kepada semua orang tentang perkara ini. Buluh yang dahulunya sangat terkenal dengan pelbagai penggunaannya, kini hanya seperti menjadi satu alat yang digunakan khusus untuk keperluan tertentu sahaja. Seperti yang sedia maklum, penggunaan buluh banyak memberikan hasil yang lumayan sekiranya dibuat secara jualan. Sebagai contoh, buluh dapat digunakan sebagai kraftangan yang mana banyak menyumbang kepada pendapatan semua orang terutamanya penduduk kampung.

Aspek pengurusan yang ingin diketengahkan dalam kraftangan anyaman ini adalah bagaimana pihak Kampung Pichin menguruskan kraftangan anyaman yang banyak dihasilkan disini. Tambahan pula, kampung ini sememangnya terkenal dengan hasil kraftangan anyaman yang turut dikomersialkan di pasaran terutama sekali di jual di pusat kraf mahupun di pasar Serian.

Aspek pengurusan yang ingin dikaji tidak hanya tertumpu kepada pengurusan kraftangan anyaman sahaja tetapi termasuk bagaimana pihak Kampung Pichin mengurus organisasi, kewangan, pempromosian dan pengedaran kraftangan anyaman mereka. Kajian juga dijalankan bagi memperlihatkan bagaimana kraftangan anyaman dikomersialkan melalui penubuhan organisasi kecil kampung Pichin.

Dayak bidayuh terbahagi kepada empat kumpulan etnik iaitu, *Bukar-Sadong* kumpulan terbesar, kebanyakannya terdapat di Hulu Sadong dalam Daerah Serian dan mempunyai sebanyak 132 buah kampung. Kumpulan kedua terbesar iaitu *Bipuruh*, kebanyakannya terdapat dikawasan pedalaman dalam Daerah Kuching, mempunyaai sebanyak 81 buah kampung. Kumpulan ketiga ialah *Bau-Jagoi*, kebanyakannya terdapat di Daerah Bau dan mempunyai sebanyak 43 buah kampung. Kumpulan keempat dan terkecil ialah *Selako-Lara*, yang terdapat di Daerah Bau dan mempunyai sebanyak 41 buah kampung.

Perkataan ‘Bidayuh’ pada asalnya hanya merujuk kepada kumpulan Dayak Darat dalam kalangan komuniti Bukar-Sadong. “Bidayuh” atau kata nama lainnya ‘Dayak Darat’ adalah kaum minoriti di Sarawak, malah merupakan kumpulan yang terkecil dalam konteks Pan-Malaysian. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan minoriti lain di Sarawak, Kaum Bidayuh merupakan kumpulan keempat terbesar selepas Iban, Cina dan Melayu.

## **Latar Belakang Kajian**

Kampung Pichin merupakan sebuah penempatan orang Iban dan Bidayuh yang kebanyakannya beragama Kristian. Kampung ini terletak di Daerah Kecil Serian. Dari pusat Bandaraya Kuching, perjalanan menuju ke Kampung Pichin sejauh 67 kilometer dan mengambil masa selama kira-kira satu jam 30 minit. Bentuk muka bumi yang berbukit bukau dan kaya dengan khazanah semula jadi terutamanya flora, sesuai untuk tanaman padi, jagung, nanas dan sayuran. Terdapat sawah padi yang menghijau di kawasan ini. Kemudahan jalan raya yang dibina pada tahun 1976 telah memudahkan kerja-kerja pemasaran hasil tanaman. Tambahan pula pada masa ini kebanyakan penduduk telah memiliki kenderaan sendiri.

Sumber ekonomi penduduk di kampung ini adalah melalui tanaman lada, koko, kraftangan, dan padi bukit serta padi sawah. Selain itu, getah dan kelapa sawit turut diusahakan. Tanaman yang diusahakan hasil sokongan bantuan daripada pihak Pertubuhan Peladang dan Jabatan Pertanian Negeri Sarawak. Antara bantuan yang diberikan adalah seperti racun serangga, baja dan anak benih.

Kaum wanita kebanyakannya mengusahakan hasil kraf yang berasaskan rotan, buluh dan bemban disamping menyiapkan hiasan manik. Hasil anyaman kraf yang telah siap dianyam akan dijual dengan harga yang berpatutan disamping akan dihantar ke

kedai-kedai yang membuat tempahan produk seperti bakul, tikar,tambok dan sebagainya.

Kebanyakan penduduk di kampung ini bekerja di jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta. Namun, ada juga segelintir penduduk kampung ini yang bekerja sebagai petani. Di samping itu, ada di kalangan penduduk yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dengan menjual hasil ternakan dan sayur-sayuran serta barang runcit.

## **Hipotesis Kajian**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, kajian mengenai pengurusan kraftangan anyaman yang sememangnya terbukti masih digunakan dalam industri kraftangan anyaman. Sumber hutan seperti rotan, buluh dan bemban kini boleh dilihat dalam penghasilan kraftangan yang boleh membawa pendapatan kepada para penduduk kampung. Kajian ini juga turut membuktikan bahawa kraftangan anyaman masih boleh dipertingkatkan lagi tahap pengurusannya dan boleh kekal pada masa yang akan datang. Selain dapat meningkatkan ekonomi para penduduk setempat, kraftangan anyaman yang dikomersialkan juga memberi nafas baru kepada industri kraf agar terus dikenali sebagai salah satu daripada simbolik yang sinonim dengan masyarakat Bidayuh. Pengenalan ini bukan hanya akan memperlihatkan identiti budaya namun turut memperkenalkan tradisi sesebuah masyarakat terutamanya kaum Dayak.

## **Permasalahan Kajian**

Tidak ramai yang tahu bahawa Kampung Pichin memiliki sebuah organisasi yang mengusahakan kraftangan anyaman iaitu Industri Desa Kampung Pichin. Kraftangan anyaman tersebut bukan sekadar sebagai perhiasan tetapi juga sebagai kegunaan harian yang dihasilkan dengan banyak oleh para pekerja Industri Desa Kampung Pichin. Industri Desa Kampung Pichin ini masih mengusahakan kraftangan anyaman kerana permintaan yang semakin menggalakkan daripada pelanggan. Isu kajian ini adalah berkaitan mengenai pengurusan organisasi, pengurusan kewangan, sumber manusia dan pengurusan bahan mentah.

## **Objektif Kajian**

1. Untuk mengenalpasti kraftangan anyaman yang dihasilkan oleh Industri Desa Kampung Pichin.
2. Untuk mengkaji mengenai sistem pengurusan organisasi Industri Desa Kampung Pichin.
3. Untuk mengenalpasti bahawa penghasilan kraftangan anyaman masih relevan atau tidak pada masa kini dari aspek penghasilan dan keasliannya.

## **Soalan Kajian**

Kajian ini memerlukan beberapa soalan yang boleh membantu dalam menyelesaikan masalah kajian dan juga dalam membantu mencapai objektif kajian.

1. Apakah yang anda faham mengenai kraftangan anyaman?
  
2. Apakah kepentingan yang anda perolehi hasil daripada pengurusan kraftangan anyaman?
  
3. Siapakah individu yang bertangungjawab menganyam kraftangan anyaman yang di komersialkan di kampung ini?
  
4. Dimanakah penduduk Kampung Pichin akan menggunakan kraftangan anyaman ini serta fungsinya kepada penduduk kampung?
  
5. Mengapakah pengurusan organisasi ini dilakukan dalam aspek pengurusan kraftangan anyaman?
  
6. Bilakah pihak Kampung Pichin akan mengadakan bengkel untuk penghasilan kraftangan anyaman?